



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (InnoSTRE)

ReQasari Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Online Collaborative Teaching: TAX267 & TAX467 on Tax Administration

Disediakan oleh:
Zafira @ Azaliah Hj Kassim, Siti Maliza Hj Salleh, Safurizan Norizan dan Dayang Milanna Abang Naim (Dr)

Program mengenai topik pentadbiran percukaian ini telah diadakan secara berkolaborasi dengan menjemput Profesor Madya Dr. Noraza binti Mat Udin sebagai penceramah dari Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia (TISSA-UUM), UUM, Sintok, Kedah.

Program ini diadakan secara dalam talian pada hari Sabtu 14 Januari 2023 jam 10 pagi. Seramai 51 pelajar Fakulti Perakaunan dari kelas AC2201A dan AC1104A telah hadir secara dalam talian untuk mendengar ceramah ini. Menurut Profesor Madya Dr. Noraza, kita semestinya berkawan baik dengan laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) supaya sentiasa peka dengan pelepasan cukai yang terkini

agar mudah untuk diaplikasi dalam pengiraan cukai kita kelak. Perkara utama perlu kita lakukan ialah cakna dengan segala peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Kedua, merujuk maklumat berkenaan cukai yang banyak terdapat di portal rasmi LHDNM dan internet. Maklumat berkaitan dengan cukai pendapatan dimuatkan dalam portal rasmi LHDNM di pautan www.hasil.gov.my untuk rujukan, malah LHDNM turut menyediakan Gerbang Pendidikan Percukaian melalui platform Eduzone. Ketiga, hubungi pihak LHDNM untuk mendapatkan maklum balas dan khidmat nasihat dan yang penting sekali iaitu jangan lupa untuk berbincang dengan LHDNM sekiranya ada cukai yang tertunggak.



Kesimpulannya, pelajar bersetuju mengenai topik yang disampaikan sangat relevan dengan bidang pengajian mereka. Kandungan program kolaborasi ini sangat berguna dan ianya menambahkan pengetahuan mereka. Bagi pelajar, penceramah juga telah berkomunikasi dengan jelas dan mudah difahami. Secara keseluruhannya, pelajar berpendapat program ini memberi manfaat kepada mereka.